

Memperkasakan Kosu Kata Murid Menerusi App Pintar Kata

Taufek Siniwi

taufek_b_siniwi@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Xingnan

Abstrak

Secara umum, ramai murid lebih cenderung untuk belajar menggunakan teknologi informasi atau IT (*Information Technology*). Dalam abad ke-21, murid lebih teruja untuk meneroka dan meningkatkan pembelajaran dengan menuil penggunaan IT. Apatah lagi apabila konsep permainan turut diterapkan. Pendekatan ini pasti mampu menarik minat murid melibatkan diri dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kertas kerja ini merupakan satu usaha untuk menggunakan App bagi merangsang pembelajaran kosu kata dalam kalangan 24 orang murid Darjah 3. Menerusi penggunaan App Pintar Kata ini, konsep permainan dan pembelajaran berdasarkan penerokaan yang diketengahkah oleh para pengkaji berasaskan teori konstruktivisme telah dilaksanakan. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan App merangsang minat murid dalam pembelajaran kosu kata. Murid didapati teruja dan seronok belajar menggunakan App. Penggunaan App merangsang pembelajaran secara penerokaan dan sendiri. Menerusi penggunaan App, pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana jua mengikut keselesaan, kesediaan dan keperluan pembelajaran murid.

Kata Kunci: App Pintar Kata, konstruktivisme, strategi pembelajaran



PENGENALAN

Pembelajaran menggunakan *Information and Communication Technology* (ICT) menjadi komponen yang wajib yang perlu guru terapkan dalam semua subjek termasuklah dalam pembelajaran bahasa Melayu. Semua sekolah di setiap peringkat berusaha memastikan setiap murid dan guru mempunyai akses yang luas terhadap bahan-bahan ICT yang mampu merangsang dan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran tidak kira bahan-bahan yang dibina oleh pihak kementerian, syarikat-syarikat swasta atau pun bahan-bahan yang sedia di Internet. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Singapura memastikan setiap sekolah mampu menyediakan prasarana yang baik bagi pembelajaran termasuklah dalam penguasaan kemahiran IT dalam kalangan murid. Pihak kementerian juga membina bahan-bahan ICT bagi menggalakkan penggunaan dan pengintegrasian bahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kertas kerja ini menjelaskan usaha penggunaan App dalam pembelajaran kosa kata. Sesuai dengan keperluan pembelajaran murid masa kini, diharapkan penggunaan App akan merangsang minat murid untuk meningkatkan pembelajaran kosa kata mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti:

1. respons murid terhadap pembelajaran kosa kata menggunakan App; dan
2. keberkesanan penggunaan App dalam pembelajaran kosa kata dalam kalangan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran bahasa di bilik darjah pada umumnya didapati membosankan disebabkan kegagalan guru menjalankan pengajaran dan merancang pembelajaran yang tidak mengambil kira keperluan pembelajaran, minat, kesediaan serta corak pembelajaran murid. Realitinya, ramai murid kita kini celik IT dan bijak komputer. Kebanyakan murid masa kini tidak menghadapi



masalah menggunakan pelbagai alat peranti IT termasuklah telefon bijak, iPad, komputer, lelaman sesawang dan pelbagai macam lagi. Oleh sebab itu, pengajaran dan pembelajaran yang tidak mengambil berat keperluan pembelajaran, minat, kesediaan dan corak pembelajaran murid masa kini pasti menemui kesukaran untuk menjalankan pengajaran yang berkesan.

Tambahan lagi, kian ramai murid mempunyai sumber kosa kata dalam bahasa Melayu yang terhad disebabkan pelbagai faktor termasuklah persekitaran pembelajaran di sekolah yang tidak membantu, kurangnya minat membaca dan sokongan daripada keluarga yang biasanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan di rumah. Jelasnya, murid kita memiliki kosa kata yang agak terbatas dan tidak luas. Hal ini boleh menjejaskan proses pemerolehan bahasa yang baik dalam kalangan murid.

Menerusi penelitian dan penilaian guru didapati bahawa ramai murid Darjah 3 berprestasi rendah dalam bahasa Melayu. Murid didapati mempunyai masalah memahami apa yang dibaca, arahan yang didengar dan mempunyai kesukaran untuk menyampaikan idea ketika bertutur. Murid memerlukan banyak pengulangan atau penerangan sebelum murid memahami dan melaksanakan tugas yang diberikan dengan betul. Guru berusaha untuk menarik minat murid dalam pembelajaran kosa kata dengan memperkenalkan penggunaan App dalam pembelajaran.

KAJIAN LEPAS

Penguasaan kosa kata yang luas membantu pembelajaran bahasa yang berkesan. Ahli psikologi, bahasa dan guru bahasa amat berminat mengenai strategi pembelajaran kosa kata sejak dahulu lagi (Levenston, 1979). Banyak kajian telah dilakukan dengan membandingkan kesan penggunaan pelbagai strategi untuk mengingat perkataan. Kajian mengenai hal ini agak aktif sejak dua abad yang lalu termasuklah kajian-kajian yang mengetengahkan pelbagai teori termasuklah oleh Carter dan McCarthy (1988), McCarthy (1990), Nation (1990), Arnaud dan Bejoint (1992), Gass (1987), Meara (1989), dan Nation dan Carter (1989).



Ramai ahli bahasa percaya bahawa terdapat kaitan yang penting antara murid, tugas, konteks dan strategi pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran kosa kata. Williams dan Burden's (1997) berdasarkan model konstruktivisme menjelaskan hal ini dengan menggariskan empat perkara berhubung dengan proses pengajaran-pembelajaran iaitu guru, murid, tugas dan konteks. Cohen (2001) pula memberi tumpuan pada murid dan membincangkan pertalian antara corak pembelajaran, strategi pembelajaran yang digunakan murid dan tugas yang diberikan.

Ada kajian yang menunjukkan bahawa ada sesetengah murid tidak berupaya meneka makna perkataan dalam petikan. Kajian-kajian Bensoussan dan Laufer (1984), Haynes (1993), Kelly (1990), dan Schatz dan Baldwin (1986) menyarankan bahawa murid bahasa kedua secara umumnya kurang berkesan sebagai peneka makna perkataan disebabkan memiliki kelemahan dari segi kemahiran bahasa berbanding pengguna bahasa pertama.

Laufer dan Hulstijn (2001) dan Nation (2001) menyarankan agar pendekatan pembelajaran secara tidak langsung dan terancang digabungkan sebagai satu strategi pembelajaran. Sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Ellis (1994), pembelajaran dan pemerolehan kosa kata yang mencabar memerlukan pendekatan dan strategi pembelajaran yang berbeza sesuai dengan keperluan pembelajaran dan cabaran tugas yang diberikan.

Terdapat banyak lagi kajian yang telah dijalankan mengenai strategi pembelajaran kosa kata yang telah dijalankan, terutamanya dalam bahasa Inggeris. Di antara strategi yang diperkatakan ialah strategi:

1. penggunaan kamus dalam pembelajaran kosa kata. Kajian oleh Thompson (1987), Neubach dan Cohen (1988), Knight (1994) menyokong penggunaan kamus dalam pembelajaran kosa kata.
2. penggunaan e-kamus dalam pembelajaran kosa kata. Namun kajian yang dijalankan oleh Koren (1997) menjelaskan bahawa e-kamus tidak banyak membantu murid.
3. membuat catatan. Banyak kajian mengenai strategi ini dijalankan antaranya oleh McCarty (1990), Ahmed (1989) dan Cohen dan Aphek (1979).



4. pembelajaran kosa kata yang bergantung pada murid (berkaitan dengan murid baik atau murid yang lemah, perbezaan individu dalam pembelajaran kosa kata). Kajian Ahmed (1989), Gu dan Johnson (1996), Kojic-Sabo dan Lightbown (1999), Parry (1997) dan Sanaoui (1995) menyokong dan menjelaskan pelbagai aspek mengenai strategi yang menegaskan akan kebergantungannya dengan murid.
5. pembelajaran kosa kata berdasarkan konteks pembelajaran. Kajian Nelson (1995) menegaskan peranan stail atau cara pembelajaran murid.

Pembelajaran bahasa dengan bantuan penggunaan komputer merupakan satu kaedah baharu dalam pembelajaran yang mampu menyediakan lebih banyak interaksi dalam kalangan murid. Semasa aktiviti pembelajaran, ICT telah diaplikasikan ke dalam pelbagai aspek pedagogi. Dalam kurikulum termasuk kurikulum bahasa Melayu di Singapura menyarankan penerapan dan penggunaan ICT dalam aktiviti pembelajaran (Laporan Semakan Bahasa Melayu, 2010). Dalam pembelajaran yang menggunakan bantuan komputer, aktiviti yang dijalankan mampu menyokong matlamat kurikulum yang mampu melibatkan murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran yang bermakna, meningkatkan kemahiran berkomunikasi, membaca dan menulis. Didapati juga penggunaan bantuan komputer mampu membangun kemahiran bekerjasama, perhubungan, penyelesaian masalah dan keupayaan belajar sepanjang hayat.

B. T. Wang, C. W. Teng, dan H. T. Chen (2015) telah menjalankan kajian mengenai penggunaan iPad yang melibatkan murid-murid di Taiwan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris. Penggunaan App '*WordPower App*' melalui iPad didapati membantu pembelajaran kosa kata murid. Dapatan kajian mendapati murid yang menggunakan iPad berjaya meraih kejayaan yang lebih baik berbanding murid yang menggunakan kaedah pendekatan tradisional dalam pembelajaran kosa kata. Penggunaan App dalam iPad bukan sahaja membantu meningkatkan pencapaian tetapi juga meningkatkan motivasi pembelajaran dalam kalangan murid. Penggunaan ICT dalam pengajaran menjadikan pembelajaran lebih aktif dan komunikatif berbanding pengajaran berbentuk tradisional.



Banyak lagi kajian bagi meneliti keberkesanan penggunaan ICT dan pengintegrasian pelbagai strategi pembelajaran kosa kata yang perlu dilakukan. Isu pembelajaran kosa kata ini luas dan bergantung juga kepada pelbagai faktor dan kerencaman termasuklah faktor murid, konteks, bahan atau tugas dan strategi pembelajaran yang digunakan. Namun yang jelas, perkembangan dari segi teknologi membuka ruang-ruang baharu yang boleh diterokai bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid masa kini. Kajian yang dijalankan ini merupakan satu lagi usaha untuk mendalami dan memahami keberkesanan penggunaan App Pintar Kata dalam pembelajaran kosa kata dalam kalangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji telah bekerjasama dengan Guru Pakar dari Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Kaedah kajian yang dijalankan melibatkan penggunaan App Pintar Kata secara langsung oleh murid dalam pembelajaran kosa kata. Guru memberikan penerangan mengenai penggunaan App Pintar Kata kepada murid. Setelah itu, murid terlibat secara langsung menggunakan App Pintar Kata dan meneroka bagi mengecam kosa kata yang terdapat dalam App Pintar Kata. Guru juga terlibat secara langsung mengajar dan memperkenalkan beberapa strategi pembelajaran kosa kata menggunakan gambar, lukisan dan kuiz sebagai lanjutan bagi memperkukuh pemahaman makna perkataan yang ditemui murid dalam App Pintar Kata.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian melibatkan beberapa langkah. Berikut adalah langkah-langkahnya:

1. Sesi persidangan dan perbincangan dengan Guru Pakar
2. Penerangan dan penerokaan App Pintar Kata
3. Pembelajaran kosa kata terancang menggunakan App Pintar Kata dan penyenaian kosa kata yang ditemui murid
4. Pembelajaran kosa kata terancang menggunakan teknik berdasarkan gambar dan lukisan dan penggunaan e-kamus
5. Pembelajaran kosa kata terancang menggunakan gambar dan kuiz



Subjek kajian

Seramai 24 orang murid Darjah 3 terlibat dalam kajian ini. 23 orang daripada murid-murid ini merupakan murid Melayu atau salah seorang daripada waris mereka berketurunan Melayu (14 lelaki dan 9 perempuan) dan seorang murid bukan Melayu (lelaki). Murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai penguasaan bahasa dan kosa kata yang agak lemah. Terdapat 8 orang murid yang masih berada di tahap bacaan mekanis dan kerap kali tidak memahami apa yang dibaca. 8 orang murid lagi gagal dalam peperiksaan akhir tahun bahasa Melayu mereka. Secara umum, murid-murid ini juga sekadar mendapat antara 35 hingga 65 markah dalam peperiksaan bahasa Melayu pada akhir tahun.

Instrumen Kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, beberapa jenis instrumen kajian telah digunakan. Instrumen kajian yang digunakan termasuklah:

1. borang tinjauan prakajian
2. borang tinjauan pascaujian
3. lembaran tugas

Guru juga menjalankan pemerhatian semasa kajian dijalankan di bilik darjah dan meneliti keupayaan murid menggunakan App Pintar Kata dan bekerjasama dalam menggunakan App Pintar Kata dalam pembelajaran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, 90.5% murid mengatakan bahawa mereka suka aktiviti permainan dalam pembelajaran. 100% murid berasa seronok sekiranya pembelajaran menggunakan aktiviti permainan. 100% juga berpendapat bahawa mereka suka pembelajaran yang menggunakan ICT. 85.7% murid percaya bahawa penggunaan ICT boleh meluaskan kosa kata mereka. Mungkin disebabkan oleh usia mereka yang masih muda, hanya 52.4% murid yang sudah menggunakan Internet untuk mencari makna perkataan. Data ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan



penggunaan ICT dan konsep permainan dalam aktiviti pembelajaran merangsang pembelajaran dalam kalangan murid agak konsisten dapatannya dengan data yang dikumpulkan semasa peringkat kajian uji cuba App Pintar Kata dijalankan. Sila lihat Jadual 1 bagi perincian dapatan.

Jadual 1: Dapatan Prakajian Kes

No	Item	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)
1	Saya suka belajar menggunakan aktiviti permainan.	66.7	23.8	9.5	-
2	Pembelajaran bahasa menjadi seronok jika menggunakan aktiviti permainan.	57.1	42.9	-	-
3	Saya suka penggunaan alat ICT dalam pembelajaran.	66.7	33.3	-	-
4	Penggunaan ICT boleh meluaskan kosa kata saya.	52.4	33.3	14.3	-
5	Saya menggunakan Internet untuk mencari makna perkataan.	19.1	33.3	23.8	23.8

Strategi yang murid gunakan dalam pembelajaran kosa kata

Pada peringkat ini, murid-murid menyatakan antara aktiviti dan strategi yang selalu mereka menggunakan bagi meluaskan kosa kata. Antaranya termasuklah bertanyakan kepada anggota keluarga seperti bertanya kepada ayah, ibu dan nenek. Membaca buku juga disenaraikan sebagai aktiviti lazim yang pelajar gunakan untuk meluaskan kosa kata mereka. Ada sesetengah murid pula gemar ke perpustakaan dan juga merujuk kamus bagi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

Jadual 2: Strategi Murid

Soalan 1. Apakah yang anda selalu lakukan untuk kembangkan kosa kata anda?	
<ul style="list-style-type: none"> • tanya bapa, ayah • membaca • membaca buku • saya pergi ke perpustakaan dan saya belajar perkataan baharu • nenek ceritakan 	<ul style="list-style-type: none"> • saya mendengar cerita daripada nenek • saya belajar perkataan baru daripada nenek • tanya ibu • rujuk kamus



Strategi yang guru gunakan dalam pembelajaran kosa kata

Daripada respons yang diberikan oleh murid, boleh disimpulkan antara aktiviti dan strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh guru di bilik darjah termasuklah aktiviti permainan, membaca buku, buat kerja rumah, belajar ejaan dan kata seerti.

Jadual 3: Strategi Guru

Soalan: Apakah aktiviti yang selalu kamu lakukan di bilik darjah untuk meluaskan kosa kata anda?		
<ul style="list-style-type: none">• permainan• tulis apa-apa• buku• buat aktiviti permainan• buat aktiviti kata seerti• membaca buku	<ul style="list-style-type: none">• di dalam iPad• ejaan• belajar ejaan• buat kerja rumah	<ul style="list-style-type: none">• saya belajar ejaan di kelas• aktiviti buat membaca• saya belajar ejaan di sekolah

Penelitian berdasarkan penggunaan App Pintar Kata dan strategi pembelajaran kosa kata

Pada peringkat penerokaan, murid dibenarkan untuk meneroka App Pintar Kata selama 30 minit. Pada peringkat ini ramai murid hanya mampu mencapai peringkat 1 seperti yang dijangkakan. Pada peringkat penerokaan, murid masih mempelajari bagaimana menggunakan App Pintar Kata dan membina strategi sendiri. Pada pelajaran seterusnya, murid telah diberikan masa untuk menggunakan App Pintar Kata selama 10 minit secara berpasangan. Daripada penelitian yang dijalankan, 25% murid berjaya mencapai peringkat 3 dan 75% murid berjaya mencapai peringkat 4. Murid didapati berjaya menemui banyak perkataan yang sebenarnya mereka tidak tahu maknanya. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah *ejan*, *lewa*, *rega*, *wara* dan *seba*. Dapatan ini sangat memberangsangkan. Murid didapati teruja dan mampu menggunakan App Pintar Kata lebih baik daripada peringkat sebelumnya.

Penelitian secara mendalam mengenai perkataan-perkataan yang ditemui murid memberikan informasi yang memberangsangkan kepada guru. Didapati bahawa secara purata setiap pasangan murid menemui 53 perkataan dalam masa 10 minit. Secara purata juga didapati bahawa setiap pasangan



murid menemui 26 perkataan yang terdiri daripada satu suku kata dan 25 perkataan yang terdiri daripada 2 suku kata dalam masa 10 minit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa murid-murid ini mempunyai penguasaan kosa kata yang sangat lemah. Hampir semua perkataan yang ditemui didapati perkataan yang murid tidak tahu dengan jelas maknanya. Murid menggunakan strategi penerokaan atau meneka sesuatu perkataan tanpa mengetahui maknanya. Dari sudut pandangan yang lain pula, hal ini menunjukkan bahawa murid teruja dan terangsang untuk meneroka dan meneka perkataan-perkataan dan menemui perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu yang mereka tidak ketahui maknanya tetapi wujud dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu. Hal ini menepati tujuan pembinaan App Pintar Kata yang mahu murid meneroka dan menemui kosa kata bahasa Melayu yang sememangnya banyak sekali.

Dalam pembelajaran seterusnya, guru menggunakan strategi gambar dan melukis dan e-kamus bagi menjelaskan makna perkataan yang ditemui menggunakan App Pintar Kata.

Hasil daripada tugas yang diberikan kepada murid mendapati bahawa 83% murid atau 20 daripada 23 murid mampu melaksanakan tugas yang disediakan. Murid mampu melukis sebuah gambar bagi menerangkan makna perkataan yang difahami mereka fahami menggunakan perkataan lain atau frasa. Murid mampu menyelesaikan tugas dengan bergantung kepada penerangan guru. Penggunaan e-kamus, Kamus Dewan dan Kamus Pelajar untuk menjelaskan makna perkataan secara sendiri oleh murid tidak berkesan kerana penguasaan kosa kata murid yang sangat lemah. Tambahan lagi, murid mendapati sukar untuk memilih makna perkataan yang paling dekat dengan mereka dan mereka fahami dengan lebih jelas. Oleh itu, murid lebih bergantung kepada penerangan guru untuk mendapatkan makna yang jelas dan difahami oleh mereka. Seramai 30% murid mampu melukis dua objek bagi dua perkataan baharu yang mereka pelajari. Namun terdapat 3 atau 17% murid tidak berjaya menyelesaikan tugas yang disediakan. 3 murid ini menghadapi masalah kosa kata yang sangat lemah dan memerlukan bantuan dan perancahan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Daripada proses pembelajaran yang dilalui murid, pengkaji membuat kesimpulan bahawa perlu ada perkaitan yang jelas dan bermakna antara murid, tujuan, tugas dan strategi pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran kosa kata.



Dapatan kajian merumuskan bahawa murid suka akan App Pintar Kata. Semua murid suka belajar menggunakan ICT dan menyatakan bahawa mereka boleh mencari perkataan Melayu menggunakan App Pintar Kata. Murid mendapati App Pintar Kata mudah untuk dimainkan. Murid juga mengatakan bahawa mereka boleh mencari makna perkataan daripada permainan App Pintar Kata. Kesimpulannya, murid menerima baik penggunaan App Pintar Kata bagi pembelajaran kosa kata. App Pintar Kata mampu merangsang pembelajaran kosa kata murid disebabkan adanya unsur permainan yang melibatkan unsur penerokaan, menyelesaikan cabaran dan ciri-ciri permainan lain yang menjadikan pembelajaran kosa kata menyeronokkan. Sila lihat Jadual 4 bagi perincian dapatan.

Jadual 4: Pascakajian Kes

No	Item	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)
1	Saya suka 'Pintar Kata App'.	95.8			4.2
2	Saya suka belajar menggunakan permainan ICT.	79.2	20.8		
3	Saya boleh mencari perkataan Melayu menggunakan App Pintar Kata.	75	25		
4	Saya boleh bergerak dari satu peringkat ke peringkat lain dalam App Pintar Kata.	75	25		
5	App Pintar Kata mudah untuk dimainkan.	70.8	20.8	4.2	4.2
6	Peraturan permainan mudah untuk difahami.	45.6	33.2	16.8	4.2
7	Saya tahu berapa perkataan yang dapat saya cari.	79	16.8		4.2
8	Saya boleh mencari makna perkataan daripada App Pintar Kata.	54.2	33.2	8.4	4.2
9	Saya suka watak atau avatar dalam App Pintar Kata.	54.2	37.4	4.2	4.2
10	Saya suka warna yang terdapat dalam App Pintar Kata.	66.7	29.1	4.2	
11	Saya suka grafik dalam App Pintar Kata.	50	33.2		
12	Saya suka muzik yang terdapat dalam App Pintar Kata.	58	21	16.8	4.2
13	Saya akan memberitahu ahli keluarga dan rakan saya tentang App Pintar Kata.	62.5	33.3	4.2	



Murid juga memberikan maklum balas secara bertulis mengenai penggunaan App Pintar Kata dalam pembelajaran Kosa Kata. Murid dapati mudah untuk menggunakan App Pintar Kata. Murid memberikan pelbagai sebab mengapa App Pintar Kata menarik bagi mereka. Ada murid yang mengatakan mereka dapat belajar perkataan baharu, suka pada lagu dan watak-wataknya, suka mencari perkataan baharu, dapat bermain dan lain-lain lagi. Sila rujuk Jadual 5 bagi perinciannya.

Jadual 5: Respon terhadap App Pintar Kata

Apakah perkara yang paling menarik tentang App Pintar Kata ini?	
<ul style="list-style-type: none"> • App pintar kata senang untuk cari perkataan baharu • permainan • saya boleh jumpa perkataan • permainannya • permainannya yang menarik • saya belajar perkataan yang baharu di App Pintar Kata • permainannya menarik. Lagunya menarik. • cari makna • mendapat kata baharu • dapat bermain App pintar kata • kerana (bermain) App pintar kata boleh belajar 	<ul style="list-style-type: none"> • saya suka avatar (watak) • avatar • yang menarik itu yang kita boleh tukar avatar dan nama • kerana boleh belajar • saya suka mencari perkataan menggunakan pintar kata • permainan pintar kata • bermain pintar kata • lagunya • avatar baharu • saya suka pintar kata, bagus

Semua murid atau 100% yakin bahawa dengan menggunakan App Pintar Kata, mereka dapat meluaskan kosa kata bahasa Melayu mereka.

Rumusan Dapatan

Penggunaan App sebagai wadah pembelajaran kosa kata sesuai dengan cita rasa murid masa kini. App Pintar Kata berjaya merangsang dan meningkatkan minat murid dalam pembelajaran kosa kata dan pembelajaran bahasa Melayu secara umum. App Pintar Kata didapati mampu memperluas kosa kata murid. Penggunaan App ini juga mampu menjadikan pembelajaran kosa kata menjadi lebih menarik dan sekaligus meningkatkan minat dan motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu. Penerimaan guru terhadap penggunaan App Pintar Kata amat baik. Guru mendapati bahawa App Pintar Kata berkesan dalam membina kosa kata murid. Bagi memastikan keberkesanan pembelajaran kosa kata yang menggabungkan kemahiran tahu perkataan



dan tahu makna perkataan dalam konteks penggunaannya yang pelbagai, guru perlu merancang dan melaksanakan aktiviti susulan yang mengaitkan permainan App Pintar Kata dengan pembelajaran kosa kata yang bermakna. Daripada aktiviti yang dijalankan, pendedahan yang lebih kerap kepada perkataan-perkataan yang dipelajari perlu dilakukan dalam pembelajaran kosa kata seperti yang ditegaskan oleh Kelly (1992) dan Miyake & Shah (1999). Guru juga perlu merancang dan merancah pembelajaran terutamanya bagi murid yang lemah bagi memastikan pembelajaran kosa kata menjadi lebih bermakna.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, penggunaan App Pinta Kata dapat merangsang pembelajaran termasuklah pembelajaran kosa kata. Suasana pembelajaran menjadi lebih aktif dan murid teruja untuk mencuba permainan App yang disediakan. Walaupun pada mulanya murid-murid kelihatan sukar menghasilkan perkataan Melayu, namun peningkatan penghasilan atau penemuan kosa kata Melayu dapat dilihat dalam sesi-sesi seterusnya seperti yang telah dilaporkan di atas. Keseronokan jelas terpancar pada wajah murid-murid ini tatkala berjaya memperbaiki pencapaian mereka dalam permainan ini. Namun, cabaran yang dihadapi guru adalah untuk menerangkan makna-makna perkataan itu menerusi penggunaan kamus dalam talian atau kamus-kamus biasa disebabkan penerangan makna di dalam kamus itu sendiri sukar difahami disebabkan kelemahan kosa kata murid-murid. Oleh itu, guru terpaksa memudahkan penerangan itu semula ke tahap pemahaman murid. Di samping itu, guru terpaksa menapis perkataan-perkataan Melayu yang ditemui kerana agak banyak perkataan itu merupakan perkataan yang berbentuk dialek sesuatu kelompok Melayu yang jarang digunakan dalam alam persekitaran Singapura.

Kajian seterusnya mungkin dapat dilakukan terhadap murid-murid peringkat Darjah 5 ke atas untuk mengukur keupayaan mereka menghasilkan kosa kata yang lebih banyak serta dapat menggunakan kamus dengan berkesan dalam mencari makna kosa kata yang ditemui. Kajian juga boleh dilanjutkan kepada penelitian dari segi jenis golongan kata yang diperolehi (kata nama, kata kerja, kata adjektif dsb) dan difahami oleh murid-murid agar lebih banyak perkataan-perkataan ini dapat kerap digunakan dalam pembelajaran harian murid-murid.



Kesedaran tentang kegunaan App Pintar Kata ini dalam memperkasakan penguasaan kosa kata Melayu dalam kalangan murid-murid Melayu juga perlu terus diusahakan pelbagai pihak termasuklah guru, sekolah dan badan-badan Melayu untuk menggalakkan para waris untuk turut sama menggunakan App ini bersama anak-anak dan keluarga demi memastikan kosa kata Melayu dapat terus dipertingkatkan penggunaannya dalam kehidupan harian masyarakat Melayu kita.

RUJUKAN

- Ahmed, M. O. (1989). Vocabulary learning strategies. In P. Meara (Ed.), *Beyond words* (pp. 3-14). London: British Association for Applied Linguistics, in association with Centre for Information on Language Teaching and Research.
- Arnaud, P. J. L., & Bejoint, H. (Eds.). (1992). *Vocabulary and applied linguistics*. London: Macmillan.
- Bensoussan, M., & Laufer, B. (1984). Lexical guessing in context in EFL reading comprehension. *Journal of Research in Reading*, 7, 15-32.
- B. T. Wang, C. W. Teng, and H. T. Chen (2015). Using iPad to Facilitate English Vocabulary Learning. *International Journal of Information and Education Technology*, Vol. 5, No. 2, February 2015. <http://www.ijet.org/papers/484-S00003.pdf>
- Carter, R., & McCarthy, M. (Eds.). (1988). *Vocabulary and language teaching*. London: Longman.
- Cohen, A. D. (2001). *The learner's side of foreign language learning: Where do styles, strategies, and tasks meet?* Unpublished manuscript, University of Minnesota.
- Cohen, A. D., & Aphek, E. (1979). *Easifying second language learning*. Jerusalem: A research report under the auspices of Brandeis University and submitted to the Jacob Hiatt Institute. (ERIC Document Reproduction Service No. ED163 753).
- Ellis, N. (1994). Vocabulary acquisition: The implicit ins and outs of explicit cognitive mediation. In N. C. Ellis (Ed.), *Implicit and explicit learning of languages* (pp. 211-282). London: Academic Press.



- Gu, Y., & Johnson, R. K. (1996). Vocabulary learning strategies and language learning outcomes. *Language Learning*, 46, 643-679.
- Haynes, M. (1993). Patterns and perils of guessing in second language reading. In T. Huckin, M. Haynes, M., & J. Coady (Ed.), *Second language reading and vocabulary learning* (pp. 46-64). Norwood, N.J.: Ablex.
- Kelly, P. (1990). Guessing: No substitute for systematic learning of lexis. *System*, 18, 199-207.
- Kelly, P. (1992). Does the ear assist the eye in the long-term retention of lexis? *IRAL*, 30, 137-145.
- Knight, S. (1994). Dictionary use while reading: The effects on comprehension and vocabulary acquisition for students of different verbal abilities. *The Modern Language Journal*, 78, 285-299.
- Koren, S. (1997). Quality versus convenience: Comparison of modern dictionaries from the researcher's, teacher's and learner's points of view. *TESL-EJ*, 2(3), 1-16.
- Laufer, B., & Hulstijn, J. (2001). Incidental vocabulary acquisition in a second language: The construct of task-induced involvement. *Applied Linguistics*, 22, 1-26.
- Levenston, E. (1979). Second language vocabulary acquisition: Issues and problems. *Interlanguage Studies Bulletin*, 4, 147-160.
- McCarthy, M. J. (1990). *Vocabulary*. Oxford: Oxford University Press.
- Meara, P. (1998). [Review of Second language vocabulary acquisition: A rationale for pedagogy]. *Applied Linguistics*, 19, 289-292.
- Meara, P. (Ed.). (1989). *Beyond words*. London: British Association for Applied Linguistics, in association with Centre for Information on Language Teaching and Research.
- Miyake, A., & Shah, P. (Eds.). (1999). *Models of working memory: Mechanisms of active maintenance and executive control*. Cambridge: Cambridge University Press.



- Nation, I. S. P. (1990). *Teaching and learning vocabulary*. Boston, Mass.: Heinle & Heinle Publishers.
- Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nation, P., & Carter, R. (1989). *Vocabulary acquisition*. Special issue: *AILA Review*, 6.
- Nelson, G. L. (1995). Cultural differences in learning styles. In J. M. Reid (Ed.), *Learning styles in the ESL/EFL classroom* (pp. 3-18). New York: Heinle & Heinle Publishers.
- Neubach, A., & Cohen, A. D. (1988). Processing strategies and problems encountered in the use of dictionaries. *Dictionaries: Journal of the Dictionary Society of North America*, 10, 1-19.
- Sanaoui, R. (1995). Adult learners' approaches to learning vocabulary in second languages. *The Modern Language Journal*, 79, 15-28.
- Schatz, E. K., & Baldwin, R. S. (1986). Context clues are unreliable predictors of word meanings. *Reading Research Quarterly*, 21, 439-453.
- Schouten-van Parreren, C. (1989). Vocabulary learning through reading: Which conditions should be met when presenting words in texts? *AILA Review 6: Vocabulary Acquisition*, 75-85.
- Thompson, G. (1987). Using bilingual dictionaries. *ELT Journal*, 41, 282-286.
- Williams, M., & Burden, R. L. (1997). *Psychology for language teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.

